

Persisi akan terus memelihara keaslian seni silatnya—Hj Ya'acob

10 OCT 1976
PRESIDEN Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Haji Ya'acob Mohamed semalam menegaskan bahawa persekutuannya tidak akan membenarkan seni silat Melayu dinodai oleh lain-lain seni pertahanan diri di sini.

Sebaliknya, tambah beliau, Persisi akan terus berusaha untuk memelihara keaslian seni silat itu.

Dalam hubungan ini, Haji Ya'acob, yang juga Menteri Negara di Pejabat Perdana Menteri berkata persekutuan akan menganjurkan beberapa kejohanan — mahupun di peringkat antarabangsa ataupun diperingkat kebangsaan.

"Kejohanan tiga negara, Singapura, Malaysia dan Indonesia juga akan diadakan tahun depan," dia memberitahu.

Berucap di majlis perjumpaan hari raya Persisi di Dewan Jamiyah, Lorong 12 Geylang malam semalam, Haji Ya'acob menarik perhatian: "Usaha-usaha mengembangkan seni silat ini akan dijalankan dengan gigih tidak saja dari segi permainannya, tapi juga dari segi pakalannya.

"Percubaan untuk 'mengawin-

kan' seni silat dengan lain-lain seni pertahanan diri tidak akan dibenarkan.

"Kami tidak mahu melihat percubaan-percubaan itu dan mana-mana badan yang hendak menodai keaslian seni tersebut akan dilarang daripada berbuat demikian."

Cadangan

Haji Ya'acob berkata, beberapa projek yang akan dijalankan oleh Persisi tidak lain adalah untuk memajukan lagi seni itu.

Usaha pertama ialah mencungkil bakat dan pendekar-pendekar setempat tampil ke depan. Kemudian pakar-pakar pakaian dari Malaysia akan dihubungi untuk menunjukkan tentang cara-cara pakaian silat yang sebenarnya.

Katanya: "Memandangkan masih ramai bakat dan pendekar yang terpendam, maka tugas Persisi ialah untuk mencungkil mereka agar dapat tampil bersama-sama.

"Pegawai-pegawai persisi akan berusaha menghubungi pendekar-pendekar itu dan mengajak mereka bersama-sama untuk mengajar dan mengembangkan seni

tersebut."

Katanya, tidak ada gunanya keahlian itu disimpan dan dipendamkan saja kerana "jika mereka ditelan zaman keahlian itu akan terkubur sama."

Bercakap tentang pakaian silat, Menteri Negara itu berpendapat cara-cara pakaian yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan silat adalah kurang menarik dan kadangkala ikatannya tidak kena.

Oleh itu, tambahnya, usaha-usaha akan dijalankan untuk menghubungkan pakar-pakar pakaian silat di seberang pakaian agar dapat mengajar kita tentang cara-cara pakaian itu.

"Mak-andam juga akan dapat mempelajari cara ikatan pengantin dengan lebih sempurna jika pakar itu dapat di datangkan ke sini kelak," ujarnya.

Bercakap tentang kejohanan tiga negara, Presiden Persisi itu berkata sebuah jawatankuasa untuk mencari dana akan ditubuhkan tidak lama lagi.

"Mereka kemudian akan mencari tempat yang sesuai bagi diadakan exposisi sebelum keputusan muktamad diatitkan untuk diadakan kejohanan seni silat itu."

Haji Ya'acob menduga kejohanan itu dapat diadakan satu masa pertengahan jika persiapan-persiapan berjalan baik dan licin.

Pupuklah dan jangan benarkan dinodai:

Berita Minggu
10 OCT 1976
Encik Tan

BADAN - BADAN seni silat Melayu telah digesa supaya memupuk perkembangan-perkembangan seni pertahanan diri itu dan seberapa boleh memelihara keasliannya.

Encik Tan Chew Yuen dari Majlis Sukan Singapura mengingatkan badan-badan itu supaya jangan sekali-kali membenarkan silat dicampurkan dengan lain-lain seni pertahanan diri yang ada di sini.

Berucap dalam majlis perjumpaan Hari Raya, Persatuan Pencaksilat Singapura di Dewan Jamiyah malam semalam, Encik Tan berkata:

"Perkembangan seni pertahanan diri di Republik ini telah berkembang subur sejak ketahun-tahun kebelakangan ini, sehinggakan ada berbagai macam seni di sini.

"Kini, kita tidak saja mendengar tentang judo, karate, silat, tae-kwon-do dan sebagainya, bahkan setengah-setengah seni pertahanan yang agak ganjil pula namanya.

"Ada antara seni-seni pertahanan itu dicampuradukkan satu sama lain, seperti kwonjudo-kas, yang saya percaya adalah gabungan tae-kwon-do, judo, karate dan silat."

Utk majukan

Sehinggakan, seni-seni pertahanan itu begitu mengelirukan kepada masyarakat, katanya-nya.

Oleh itu, katanya, badan-badan seni silat Melayu di Singapura hendaklah memelihara keaslian seni silat tersebut.

"Ia janganlah dicampuradukkan dengan seni-seni pertahanan yang lain, jika badan-badan seni silat melayu tidak mahu kehilangan mutu keaslian seni tersebut, ujarnya.

Sementara itu, Ustaz Haji Taha Suhaimi, Yang Dipertua Perpensis dalam ucapannya menggesa Persisi berusaha menarik lebih ramai muda-mudi giat dalam seni silat.

Katanya, daripada anak-anak muda itu terpengaruh dengan ketagihan dadah, ada baiknya mereka diajarkan seni pertahanan yang sihat ini.

Haji Taha juga mencadangkan supaya Persisi tidak saja menumpukan perhatian terhadap pemuda-pemuda saja, kerana menurutnya "pemudi-pemudi juga ada yang ingin mempelajari seni tersebut."